



**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2023
UKUR BAHAN**

KOD : PJU021
**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**
TARIKH : 13 MAC 2023
MASA : 2.00 PTG. – 5.00 PTG.

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

ARAHAN KEPADA CALON

1. **Tuliskan angka giliran serta nombor kad pengenalan anda dengan terang pada setiap helaian kertas jawapan yang digunakan. Jangan sekali-kali menulis nama anda pada kertas jawapan.** Kertas jawapan yang mengandungi nama calon akan dianggap tidak sah.
2. Pastikan anda mendapat kertas soalan yang lengkap.
3. **Jawab dalam Bahasa Malaysia sahaja.** Istilah-istilah teknikal yang tiada terjemahannya atau sukar diterjemahkan boleh dikekalkan dalam bahasa asalnya. Jawapan yang tidak mematuhi syarat ini tidak akan diberi markah.
4. **Jawab secukup soalan sahaja** mengikut arahan dalam kertas soalan. Jawapan bagi soalan lebih tidak akan diberi markah.
5. Semua perkiraan untuk mendapatkan jawapan hendaklah ditunjukkan. Jawapan yang betul tetapi tiada menunjukkan perkiraan tidak akan diberi markah.
6. Calon-calun digalakkan membuat lakaran untuk menjelaskan jawapan di mana yang sesuai.
7. **Calon-calun dilarang merujuk kepada buku atau sebarang bahan rujukan** melainkan yang dibenarkan mengikut arahan yang tercatat dalam permulaan kertas soalan.
8. Penggunaan mesin pengira elektronik tanpa kemudahan program adalah dibenarkan melainkan jika dinyatakan sebaliknya di dalam kertas jawapan.
9. Bagi subjek peperiksaan di mana masa rehat diberi (misalnya, subjek LUKISAN), calon-calun adalah dilarang membawa kertas soalan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa sehingga keseluruhan peperiksaan untuk subjek berkenaan tamat.
10. Semua kertas jawapan mesti disusun dan diikat dengan sempurna.
11. Calon-calun dilarang mengambil kertas jawapan kosong yang telah disediakan keluar dari dewan peperiksaan pada bila-bila masa.
12. **Calon-calun tidak dibenarkan keluar dari dewan peperiksaan dalam tempoh masa 30 minit** dari mulanya peperiksaan.
13. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon-calun yang menyerahkan kertas jawapan kosong (tanpa sebarang jawapan) sekiranya mereka tidak mempunyai sebab yang munasabah.**
14. **Calon-calun yang didapati meniru/menipu semasa menduduki peperiksaan akan dikenakan tindakan tatatertib.**
15. **Tindakan tatatertib akan diambil terhadap calon yang mengingkari arahan Ketua Pengawas semasa di dalam dewan peperiksaan.**

PERKARA : PJU021 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.

*Jawab satu (1) soalan **WAJIB** di Bahagian A dan mana-mana empat (4) soalan di Bahagian B.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

Bahagian A

SOALAN 1

- a) Penyediaan Cabutan Butir-butir Permulaan (*Preliminary Detailed Abstract-PDA*), Cabutan Butir-butir Tender (*As Tendered Detailed Abstract-ATDA*) dan Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan (*As Completed Detailed Abstract-ACDA*) merupakan sebahagian daripada kaedah perancangan dan kawalan kos. Nyatakan tujuan penyediaan dokumen-dokumen berikut:
- i) Cabutan Butir-butir Permulaan (*Preliminary Detailed Abstract-PDA*)
(3 markah)
- ii) Cabutan Butir-butir Tender (*As Tendered Detailed Abstract-ATDA*)
(3 markah)
- iii) Cabutan Butir-butir Seperti Yang Disiapkan (*As Completed Detailed Abstract-ACDA*)
(3 markah)
- b) Senaraikan **lima (5)** item yang terkandung dalam ACDA.
(5 markah)
- c) Anggaran kos awalan perlu disediakan untuk memastikan peruntukan yang disediakan oleh pelanggan adalah mencukupi. Terdapat pelbagai kaedah penyediaan anggaran kos awalan yang boleh digunakan. Nyatakan **dua (2)** kaedah berserta huraian ringkas penyediaan anggaran kos awalan.
(6 markah)

Bahagian B

SOALAN 2

- a) Merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan (Perolehan Kerajaan), kontraktor hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (*Construction Industry Development Board-CIDB*) sebagai syarat untuk menyertai perolehan kerja kerajaan.
- i) Senaraikan **dua (2)** jenis sijil / perakuan yang dikeluarkan oleh *CIDB* kepada kontraktor.
- (4 markah)*
- ii) Terangkan maksud kontraktor tempatan Gred G1 dan kontraktor tempatan Gred G2.
- (6 markah)*
- b) Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:
- i) Sebut harga
- (2 markah)*
- ii) Undi
- (2 markah)*
- iii) Tender
- (2 markah)*
- c) Nyatakan tempoh minimum bagi pelawaan tender berikut:
- i) Tender tempatan
- (2 markah)*
- ii) Tender antarabangsa
- (2 markah)*

SOALAN 3

a) Pekeliling Perbendaharaan (Perolehan Kerajaan) menyatakan bahawa Surat Setuju Terima hendaklah dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya dalam tempoh sah laku tender.

i) Nyatakan tempoh minimum sah laku tender.

(2 markah)

ii) Senaraikan **lima (5)** faktor untuk menetapkan tempoh sah laku tender yang munasabah.

(10 markah)

b) Senaraikan **lapan (8)** perkara yang perlu dinyatakan dalam iklan tender.

(8 markah)

SOALAN 4

Dokumen kontrak merupakan suatu dokumen yang merekodkan terma-terma kontrak bagi menjelaskan hak dan tanggungjawab pihak-pihak berkontrak secara bertulis dan sangat penting dalam pelaksanaan kerja pembinaan.

a) Siapakah yang boleh menandatangani kontrak bagi pihak kerajaan?

(4 markah)

b) Senaraikan **sepuluh (10)** di antara kandungan dokumen kontrak berasaskan senarai kuantiti.

(10 markah)

c) Pelarasan harga dan kadar harga akan diselaraskan untuk memastikan kemunasabahannya sebelum tender disetuju terima. Huraikan **tiga (3)** tindakan yang perlu dilaksanakan untuk proses pelarasan kadar harga.

(6 markah)

SOALAN 5

Maklumat Kontrak		
Kontraktor Utama	:	Latar Bumi Sdn. Bhd.
Harga Kontrak	:	RM35,500,000.00
Wang Peruntukan Sementara	:	RM2,000,000.00
Tarikh Milik Tapak	:	3 Januari 2022
Sub Kontraktor Dinamakan	:	Elektrik Raya Sdn. Bhd
Harga Kontrak	:	RM1,880,000.00

Jadual 5

Berdasarkan **jadual 5** di atas:

- a) Kirakan nilai bayaran pendahuluan yang boleh disyorkan kepada kontraktor utama.
(4 markah)

- b) Kirakan nilai bayaran pendahuluan yang boleh disyorkan kepada sub kontraktor dinamakan.
(4 markah)

- c) Nyatakan tempoh dan tarikh akhir syarikat Latar Bumi Sdn. Bhd. dibenarkan untuk mengemukakan permohonan bagi kemudahan bayaran pendahuluan.
(4 markah)

- d) Berapakah nilai maksimum bayaran pendahuluan yang layak diberikan kepada kontraktor utama?
(4 markah)

- e) Senaraikan **empat (4)** dokumen yang perlu disertakan bersama-sama untuk mengemukakan bayaran pendahuluan bagi tujuan pembayaran.
(4 markah)

SOALAN 6

Huraikan secara ringkas perkara-perkara berikut:

- a) Perubahan Kerja (4 markah)
- b) Wang Kos Prima (4 markah)
- c) Wang Peruntukan Sementara (4 markah)
- d) *Variation Of Price (VOP)* (4 markah)
- e) Kuantiti Sementara (4 markah)

SOALAN 7

Kontraktor berhak mendapat lanjutan masa (*Extension of Time - EOT*) berdasarkan sebab-sebab kelambatan di luar kawalannya mengikut peruntukan-peruntukan yang berkenaan dalam syarat-syarat kontrak.

- a) Berdasarkan klausa 43, Syarat-syarat Kontrak *PWD Form 203/203A*, nyatakan **lima (5)** sebab yang oleh membolehkan lanjutan masa diperakukan kepada kontraktor. (10 markah)
- b) Huraikan secara ringkas perkara-perkara yang perlu di ambil kira dalam menilai tempoh kelambatan dan lanjutan masa. (10 markah)

SOALAN 8

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (Perolehan Kerajaan), Penyata Akaun Muktamad (*Statement of Final Account - SOFA*) disediakan selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan akan menjadi asas rujukan bagi tujuan penyediaan Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

a) Nyatakan tempoh masa yang ditetapkan bagi penyediaan Penyata Akaun Muktamad (*SOFA*) dari tarikh Perakuan Siap Kerja dikeluarkan bagi kontrak berikut:

- i) Kontrak Konvensional
- ii) Kontrak Reka dan Bina

(4 markah)

b) Huraikan secara ringkas peraturan dan prosedur dalam penyediaan dan pengeluaran Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(6 markah)

c) Apakah tindakan yang boleh diambil bagi mempercepatkan prosedur penutupan akaun?

(6 markah)

d) Akaun statutori merupakan dokumen sokongan yang perlu dikemukakan sebelum bayaran muktamad dibuat. Huraikan keperluan akaun statutori ini dalam tujuan pembayaran Perakuan Akaun dan Bayaran Muktamad.

(4 markah)

SOALAN 9

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*Liquidated and Ascertained Damages - LAD*) dan namakan perakuan yang perlu dikeluarkan sebelum *LAD* dikenakan kepada kontraktor.

(6 markah)

- b) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan (Perolehan Kerajaan) nyatakan formula pengiraan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (*LAD*).

(2 markah)

- c) Harga Kontrak : RM33,500,000.00
Base Landing Rate (*BLR*) : 4.90%
Tarikh Perakuan Kerja Tak Siap : 5 Januari 2022
Tarikh Siap Kerja : 29 Januari 2022

Berdasarkan maklumat yang diberikan di atas kirakan:

- i) Kadar *LAD* (RM) sehari bagi kontrak ini.
ii) Tempoh kontraktor dikenakan *LAD*.
iii) Jumlah *LAD* (RM) yang dikenakan.

(12 markah)

SOALAN 10

Nyatakan nama tajuk borang dan huraikan secara ringkas penggunaan borang piawai di bawah:

- a) JKR 203T
b) JKR 203S
c) JKR 203X
d) JKR 66A
e) JKR 66

(20 markah)
